

Berita Manmin

NO. 29 12 NOVEMBER 2023



Memberitakan Tuhan Yang Maha Mencipta dan Yesus Kristus dengan firman kehidupan dan kerja penuh kuasa

Gereja Pusat Manmin merayakan ulang tahunnya yang ke-41 pada 8 Oktober 2023. Gereja ini diasaskan pada 25 Julai 1982 dengan 13 orang anggota, dan mengadakan ibadat penubuhannya pada 10 Oktober tahun tersebut.

Mukjizat, tanda-tanda keajaiban dan kerja-kerja kuasa yang tidak terkira

banyaknya berlaku dan khutbah-khutbah yang memberikan kehidupan diberitakan sehingga bilangan anggota yang berdaftar melebihi 10,000 orang pada bulan Februari 1991. Pada bulan Julai tahun itu, Perhimpunan Agung Gereja Kesucian Bersatu Yesus Kristus telah diadakan. Sejak itu, Pastor Kanan Jaerock Lee dan

Gereja Pusat Manmin memimpin dalam penginjilan nasional dan misi dunia dengan mengambil bahagian dalam pelbagai acara keagamaan di dalam dan di luar negara seperti 'Perhimpunan Besar Ledakan Roh Kudus Dunia 1992' dan 'Perhimpunan Besar Jubli 1995 untuk Penyatuan Semula Korea Selatan dan Utara'.

Dari tahun 2000, gereja ini mula menjalankan misi dunia dengan begitu aktif dengan mengadakan perhimpunan bersaiz mega di banyak negara termasuk Uganda, Pakistan, Kenya, Filipina, Honduras, India, Rusia, Jerman, Peru, Republik Demokratik Congo, Amerika Syarikat, dan Estonia. Dalam setiap perhimpunan besar, Pastor Kanan mengisytiharkan Tuhan Yang Maha Mencipta dan Yesus Kristus dengan ledakan kuasa Roh Kudus. Pada tahun

2009, beliau mengisytiharkan Yesus Kristus ialah Mesias di Yerusalem, Israel.

Sejak 2010, gereja ini telah mencapai misi dunia dalam lebih banyak cara dengan hikmat daripada Tuhan. Dengan sapu tangan yang didoakan oleh Pastor Kanan, ramai pastor mengetuai pelbagai perjumpaan kesembuhan (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) di seluruh dunia dan tidak terkira banyaknya jiwa mengalami kuasa Tuhan Yang Maha Hidup dan menerima keselamatan. Tuhan Yang Maha

Mencipta, injil Yesus Kristus, dan kuasa Roh Kudus tersebar sehingga ke tempat yang paling terpencil di dunia melalui banyak rangkaian global seperti GCN TV, Urim Books, WCDN (Rangkaian Doktor Kristian Sedunia), dan MIS (Seminari Antarabangsa Manmin).

Kita memberikan segala kesyukuran dan kemuliaan kepada Tuhan Trinitas, yang sepenuhnya menggenapi ketentuan bagi Manmin melalui injil kesucian dan kuasa penciptaan semula.

MISI DUNIA

Gereja Pusat Manmin ialah gereja terbaik dalam membaharui minda manusia!

Pada tahun 2009, semasa saya berkhidmat sebagai Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Pelancongan di Republik Demokratik Congo, seorang rakan sekerja memberi saya sebuah buku berjudul *Mencipta Kehidupan Kekal sebelum Kematian*. Buku ini ialah buku kesaksian Pastor Kanan Jaerock Lee yang bertemu Tuhan dengan mendapat kesembuhan bagi semua penyakit yang dihidapi beliau lalu beliau menjadi revivalis dunia yang terkenal. Saya sangat kagum membaca buku itu dan mendaftarkan diri di Gereja Manmin Kinshasa.

Semasa mendengar khutbah Pastor Kanan dalam ibadat gereja, saya gembira mendengar penerangan yang jelas tentang kehendak Tuhan dan benar-benar mahu hidup menurut firman Tuhan dengan merasakan kasih Tuhan. Iman saya bertumbuh sedikit demi sedikit lalu pada suatu hari pada tahun 2011 saya mengalami sesuatu yang menakjubkan.

Isteri saya sedang mengandung dan janin berada dalam keadaan bahaya. Namun begitu, anak perempuan saya lahir sihat melalui doa Pastor Kanan yang melangkaui ruang dan waktu. Selepas itu, setiap kali saya menghadapi masalah yang tidak dapat saya selesaikan, saya menghantar permohonan doa kepada beliau lalu menerima jawapan dan penyelesaian. Melalui doa-doa Pastor Kanan, saya berkali-kali dinaikkan



Penatua Sebastien Empeto Pengo
Gereja Manmin Kinshasa,
Republik Demokratik Congo

pangkat dalam jabatan awam.

Kesaksian yang tidak dapat dilupakan adalah bahawa virus Ebola dihapuskan di Republik Demokratik Congo pada tahun 2014 melalui doa beliau. Sebagai Gabenor Wilayah Equateur pada masa itu, saya diarahkan oleh Presiden untuk menggunakan apa-apa cara yang mungkin untuk membasmi virus Ebola dari Bandar Mbandaksa. Hal ini demikian kerana virus Ebola telah merebak, yang bermula dari kawasan Boendesie Zera, kira-kira 800 kilometer dari ibu kota wilayah iaitu Bandar Mbandakah.

Walau bagaimanapun, tiada apa yang dapat saya lakukan jadi saya hanya bergantung kepada Tuhan dalam doa dan menghantar permohonan doa kepada Pastor Kanan di Korea Selatan.

Saya berasa takjub kerana 15 hari selepas beliau berdoa, tiada lagi kes jangkitan di Republik Demokratik Congo, dan pesakit yang dijangkiti sembuh dengan cepat. Oleh itu, virus Ebola akhirnya tamat. Haleluyah!

Hal ini memberi saya iman yang kuat. Saya sangat tersentuh oleh doa Pastor Kanan yang berkuasa dan perlindungan bagi saya, dan hal ini merupakan pengalaman yang menyeluruh dalam hidup saya. Saya berkunjung ke Korea Selatan dan bertemu Pastor Kanan pada tahun 2015, dan hal ini menguatkan keinginan saya untuk menyebarkan injil di negara saya dan mengamalkannya dengan lebih tekun.

Pada tahun 2022, saya telah dipimpin oleh Tuhan untuk menggemblakan Gereja Manmin Kinshasa. Apabila saya berdoa dengan sapu tangan kuasa (Kisah Rasul-rasul 19:11-12) yang telah didoakan oleh Pastor Kanan, penyakit disembuhkan, orang Kristian bangkit secara rohani, dan gereja mengalami kebangkitan.

Matlamat saya adalah untuk mendirikan sebanyak mungkin gereja cawangan Manmin di seluruh Republik Demokratik Congo dan membolehkan gereja saya memimpin dalam penyebaran injil di Afrika Tengah. Kami akan menghasilkan banyak buah kebangkitan di Republik Demokratik Congo dan banyak tempat di Afrika kerana injil kesucian mengubah hati orang.



Oleh Pastor Kanan Dr. Jaerock Lee

Tuhan Ialah Cahaya

“Inilah berita yang telah kami dengar daripada Anak-Nya dan yang kami isytiharkan kepada kamu: Allah itu cahaya, dan pada-Nya tidak ada kegelapan sama sekali” (1 Yohanes 1:5).

“Jika anda bertemu Tuhan yang merupakan Cahaya, keluar daripada kegelapan, dan tinggal dalam Cahaya, segala-galanya akan makmur bagi anda dan anda dapat menyelesaikan semua jenis masalah dalam hidup anda.”

Tidak kira betapa gelapnya pada waktu malam, kegelapan itu hilang apabila matahari terbit. Dengan cara yang sama, jika anda tinggal dalam Cahaya, sama seperti cahaya matahari mengusir kegelapan, masalah-masalah anda akan diselesaikan, dan jawapan serta berkat daripada Tuhan akan datang kepada anda. Selain itu, anda dapat memimpin orang lain kepada Cahaya.

Sekarang, marilah kita mendalami maksud “Cahaya” dan “kegelapan” secara rohani dan cara kita dapat menyingkirkan kegelapan dan tinggal dalam Cahaya.

1. Tuhan, Asal Usul Cahaya

Tuhan menciptakan langit, bumi dan segala isinya. Tiada yang mustahil bagi-Nya. Tuhan dapat menyembuhkan apa-apa jenis penyakit dan menyelesaikan apa-apa masalah dalam perniagaan atau keluarga anda. Oleh itu, bertemu Tuhan ialah cara yang paling pasti untuk menyelesaikan semua masalah anda. Paling utama, ini merupakan cara untuk memperoleh hidup yang kekal. Jika anda percaya kepada perkara ini, anda semua harus berkeinginan untuk bertemu dengan Dia.

Oleh sebab Tuhan ialah Cahaya, sesiapa antara anda dapat bertemu dengan Dia selagi anda mengikuti Cahaya itu. “Cahaya” secara rohani merujuk kepada Tuhan yang kekal dan sempurna tanpa kegelapan sama sekali. Yakobus 1:17 menyatakan bahawa Tuhan tidak berubah dan tidak menyebabkan kegelapan apa pun.

Sekali lagi, “Cahaya” secara rohani merujuk kepada Tuhan sendiri dan juga bermaksud firman yang mewakili kesempurnaan yang terbaik. Sebenarnya, adalah mustahil untuk menggambarkan Tuhan dengan hanya perkataan, tetapi satu perkataan adalah perlu untuk manusia memahami Tuhan dengan lebih baik, dan perkataan itu ialah “Cahaya”.

2. Hubungan antara Iman, Kebajikan, Kesalihan, dan Roh

Anda mungkin telah mula-mula sekali belajar tentang iman apabila anda memulakan kehidupan Kristian anda.

Hal ini kerana anda dapat memperoleh hidup yang kekal dan syurga hanya apabila anda mempunyai iman dalam Yesus Kristus dan diampunkan daripada dosa-dosa anda. Hal ini seperti yang dinyatakan dalam Yohanes 3:16, “Allah sangat mengasihi orang di dunia ini sehingga Dia memberikan Anak-Nya yang tunggal, supaya setiap orang yang percaya kepada Anak itu tidak binasa tetapi beroleh hidup sejati dan kekal.”

Namun begitu, iman dikategorikan kepada dua jenis. Ada iman badani dan iman rohani. Iman badani ialah iman sebagai pengetahuan yang dengannya anda sekadar mengetahui kandungan Alkitab. Iman jenis ini tidak disertai oleh perbuatan iman, jadi iman ini dianggap iman yang mati. Iman rohani sebaliknya membolehkan anda untuk percaya kepada penciptaan sesuatu daripada kekosongan. Iman jenis ini merupakan iman yang hidup dan sejati yang disertai perbuatan.

Jadi, apakah tujuan memiliki iman rohani? Kita memerlukan iman rohani untuk memulihkan gambaran Tuhan yang hilang selepas pelanggaran oleh manusia pertama iaitu Adam. Dengan iman ini, kita perlu menyerupai Tuhan yang sendiri merupakan kebaikan. Maksudnya, kita mesti menyingkirkan semua bentuk kejahatan dan mencapai ‘kebaikan’.

Piawaiian untuk menyatakan berapa banyak kebaikan yang telah kita capai ialah ‘kesalihan’. ‘Kesalihan’ merujuk kepada tindakan menyingkirkan dosa, mentaati Firman Tuhan, dan mentaati Tuhan dengan iman. Ia merupakan tindakan mengikuti sesuatu yang benar hanya dengan “Amin” walaupun sesuatu bercanggah dengan pemikiran, pengalaman dan pengetahuan seseorang. Anak-anak Tuhan mesti mengamalkan kesalihan tanpa berubah-ubah. Namun begitu, apakah realiti yang dapat anda lihat?

Seseorang terkesan oleh Firman yang menyuruhnya untuk mengampuni orang lain. Dia mungkin mengampuni pada mulanya, tetapi dia tidak dapat melakukannya apabila berlaku perkara yang tidak sejajar dengan pemikiran dan manfaat dirinya. Hal ini kerana dia mempunyai fikiran yang berubah-ubah yang merupakan sifat badani. Itulah sebabnya dia tidak dapat berterusan dalam mencapai kesalihan. Kita mesti berterusan mengampuni orang lain sampai ke akhirnya seperti yang dikatakan oleh Yesus bahawa kita

harus mengampuni sehingga tujuh puluh kali tujuh kali. Sifat 'tidak berubah-ubah' merupakan sifat roh.

Untuk mencapai 'roh', kita mesti mempunyai kasih. Tindakan kesalihan yang ditunjukkan oleh Yesus dengan disalibkan untuk menebus semua manusia daripada dosa dapat dilakukan kerana Dia mempunyai kasih (Roma 5:18).

Dalam erti kata lain, kesalihan hadir melalui kasih, dan hasil akhirnya ialah 'roh'. Apabila anda memasuki tahap roh, anda akan dapat percaya dan patuh kepada Tuhan serta melakukan kehendak-Nya tanpa berubah-ubah. Apabila anda mencapai roh dalam segala aspek dalam hidup anda, anda akan mencapai roh penuh (1 Tesalonika 5:23). Pada tahap roh penuh, semua yang anda lakukan akan keluar sebagai "cahaya". Anda akan dapat mendedahkan kemuliaan Tuhan ke mana-mana sahaja anda pergi dan akan diikuti oleh kerja-kerja yang menunjukkan bahawa Tuhan menyertai anda. 'Roh' merujuk kepada sifat dalaman manakala 'cahaya' melibatkan sifat luaran yang terhasil daripada sifat dalaman.

Kita memanggil bintang di pusat dalam Sistem Suria kita sebagai 'matahari'. Sebenarnya kita tidak melihat matahari tetapi kita melihat cahaya matahari. Begitu juga, Tuhan ialah roh (Yohanes 4:24) dan Dia juga Cahaya. Hal ini bermaksud bahawa Tuhan ialah roh yang sempurna yang tidak berubah sama sekali, dan sifat luaran roh yang dapat kita lihat ialah Cahaya.

Namun begitu, hal ini tidak bermaksud bahawa kita dapat mengeluarkan cahaya hanya apabila kita memasuki tahap roh penuh. Walaupun anda ialah orang Kristian baru, anda dapat mengeluarkan cahaya yang sesuai dengan tahap iman anda.

Efesus 5:9 menyatakan, "kerana cahaya itulah yang menyebabkan orang melakukan segala sesuatu yang baik, adil, dan tulus." Buah Cahaya terdiri daripada kebaikan, kesalihan yang merupakan piawai kebaikan, dan kebenaran yang bermaksud sifat roh yang tidak berubah-ubah. Oleh itu, kita dapat menghasilkan buah Cahaya apabila kita menunjukkan kebaikan dan tindakan kesalihan dengan cara rohani yang tidak berubah-ubah.

Katakan seseorang belum mencapai tahap roh. Kebaikan yang telah dipupuk dalam hatinya mungkin terzahir sebagai tindakan kesalihan. Namun begitu, kebaikan itu boleh berubah mengikut situasi selagi dia masih mempunyai sifat badani. Oleh itu, walaupun orang mengatakan bahawa mereka percaya kepada Tuhan namun mereka mempunyai darjah yang berbeza dari segi kebaikan, kesalihan, roh dan cahaya. Hal ini juga menghasilkan jumlah kasih dan rahmat Tuhan yang berbeza ke atas setiap orang. Jika anda memasuki tahap roh, anda akan mempunyai kebaikan yang cukup untuk menggerakkan hati orang lain dan dapat menunjukkan tindakan kesalihan tanpa berubah-ubah. Jika anda memasuki tahap roh penuh, anda dapat mengamalkan

kesalihan iman, ketaatan, dan tindakan hati dengan kebaikan yang terbaik dan tidak berubah-ubah.

Abraham, bapa iman, merupakan contoh. Tuhan memerintahkannya untuk mempersembahkan anak tunggalnya, Ishak sebagai korban bakaran. Itu merupakan ujian imannya yang terakhir. Abraham sepenuhnya taat kepada perintah Tuhan dan mempersembahkan Ishak kerana dia percaya bahawa Tuhan mampu membangkitkan manusia daripada kematian.

Abraham dengan sepenuh hati mempercayai dan mentaati Tuhan dengan cara ini, jadi dia dianggap salih oleh Tuhan. Selain itu, kebajikannya yang sempurna juga diakui sehingga dia digelar sahabat Tuhan yang sendiri merupakan kebaikan. Akhirnya Tuhan menetapkan Abraham sebagai bapa iman dan perbuatannya bersinar seperti cahaya ke atas kita semua yang percaya kepada Tuhan.

3. Perkara-perkara Kegelapan Bertentangan dengan Cahaya

Terdapat perkara-perkara Cahaya, dan terdapat juga perkara-perkara kegelapan yang bertentangan dengan Cahaya. Secara ringkasnya, kegelapan melingkupi semua perkara yang terangkum dalam dosa. Hal ini termasuk perbuatan badani, perkara badani, dan perkara yang menurut pandangan anda sendiri adalah salih tetapi jahat menurut pandangan Tuhan.

Sebagai contoh, terdapat perkara-perkara badani seperti kefasikan, kejahatan, ketamakan, kejahatan, dengki, pembunuhan, dan perselisihan serta perbuatan-perbuatan badani seperti perbuatan cabul, lucah, tidak senonoh, penyembahan berhala, penggunaan ilmu sihir dan bermusuhan. Semua ini dengan jelas ialah kegelapan apabila kita hanya mendengar kata-kata itu. Namun begitu, terdapat beberapa sifat yang mungkin anda lihat sebagai salih tetapi Tuhan menganggapnya jahat. Dalam hal ini, anda mungkin tidak menganggapnya sebagai kegelapan. Namun begitu, apabila cahaya bersinar, kegelapan mesti didedahkan.

Dalam Alkitab, Yesus mula menunjukkan kepada murid-murid-Nya bahawa Dia harus pergi ke Yerusalem apabila tiba masa yang ditetapkan dan menderita banyak perkara daripada para pemimpin masyarakat, ketua imam dan guru Taurat, dan dibunuh. Kemudian Petrus berkata kepada-Nya, "Ya Tuhan, semoga Allah menjauhkan perkara itu daripada Tuhan! Perkara itu tidak boleh berlaku kepada Tuhan!" Namun begitu, Yesus menegurnya dengan berkata, "Pergilah dari sini, hai Iblis! Engkau menghalang jalan-Ku" (Matius 16:21-23).

Petrus menyangka bahawa dia menghalang Yesus daripada pergi ke Yerusalem demi diri-Nya. Namun begitu, menurut pandangan Tuhan, dia menetapkan fikirannya pada kepentingan manusia dan hal itu merupakan kegelapan.



Telefon: 82-2-824-7107
www.gcntv.org
webmaster@gcntv.org



Manmin International Seminary
Telefon: 82-2-818-7032
www.manminseminary.org
manminseminaryhq@gmail.com



World Christian Doctors Network
www.wcdn.org
wcdnkorea@gmail.com



Urim Books
Telefon: 82-2-818-7241
www.urimbooks.com
urimbook@hotmail.com

Itulah sebabnya Yesus berkata dalam Yohanes 12:46, “Aku datang ke dunia ini sebagai cahaya supaya tiap-tiap orang yang percaya kepada-Ku tidak tinggal dalam kegelapan.” Oleh itu, apabila anda datang kepada Yesus dan mengikuti kebenaran yang diajarkan-Nya seperti Kasih Rohani, Ucapan Bahagia, dan Buah-buah Roh Kudus, anda semua tidak akan kekal dalam kegelapan sebaliknya datang kepada Cahaya.

4. Sebab Orang Tidak Dapat Datang kepada Cahaya

Pertama sekali, hal ini kerana mereka suka kegelapan dan membenci cahaya (Yohanes 3:19-20). Mereka lebih menyukai kesenangan dunia dan wang serta lebih suka hidup demi kepentingan mereka sendiri. Oleh itu, mereka membenci Firman Cahaya yang menyuruh mereka untuk mengikuti kebenaran dan kebaikan. Mereka juga salah faham tentang kebenaran dengan pemikiran mereka sendiri. Mereka mungkin berkata, “Saya berbuat baik. Tidakkah itu mencukupi? Mengapakah kamu mengatakan bahawa keselamatan hanya ada di gereja?” Mereka mungkin mengakui Tuhan tetapi mereka tidak tahu sebab mereka ialah orang yang berdosa dan sebab mereka perlu menerima Tuhan Yesus. Itulah sebabnya mereka tidak pergi ke gereja.

Seterusnya, sebahagian orang Kristian mungkin tersandung kerana orang Kristian yang lain. Mereka mungkin memberikan alasan tidak pergi ke gereja dengan mengatakan bahawa sesetengah orang Kristian kelihatan tidak jujur dan hipokrit. Namun begitu, mereka harus tahu bahawa tidak semua orang di dalam gereja percaya kepada Tuhan Yesus.

Matius 7:21 menyatakan, “Tidak semua orang yang memanggil Aku, ‘Ya Tuhan, ya Tuhan,’ akan menikmati Pemerintahan Allah, tetapi hanya orang yang melakukan kehendak Bapa-Ku yang di syurga.” Hanya orang yang mendengar dan mentaati Firman Tuhan mempunyai iman yang sejati. Jika seseorang berkata bahawa dia percaya kepada Tuhan tetapi dia bertindak dengan cara yang sama dengan orang duniawi, dia tidak ada kaitan dengan Tuhan dan tiada keselamatan untuknya.

Jika orang melihat jemaah seperti itu, menutup pintu hati mereka, lalu kehilangan keselamatan dan hidup yang kekal, betapa bodohnya mereka! Saya berharap anda akan melihat orang-orang Cahaya yang menunjukkan teladan iman yang baik dan datang kepada Tuhan dengan bijak.

5. Berkat-berkat kerana Berjalan dalam Cahaya

Tuhan telah berjanji dengan jelas. Markus 11:24 menyatakan, “Oleh itu ingatlah: Apabila kamu berdoa dan minta sesuatu, percayalah bahawa kamu telah menerimanya,

kerana apa sahaja yang kamu minta akan diberikan kepada kamu.” Matius 9:29 menyatakan, “Kerana kamu percaya, berlakulah apa yang kamu harapkan.”

Namun begitu, sesetengah orang Kristian seolah-olah datang kepada Tuhan yang merupakan Cahaya dan dengan tekun menjalani kehidupan Kristian mereka, tetapi mereka masih menderita penyakit, atau masalah dalam perniagaan atau keluarga. Apakah sebabnya? Hal ini kerana mereka berfikir bahawa mereka tinggal dalam Cahaya tetapi sebenarnya mereka tidak.

Terdapat perbezaan antara datang kepada Cahaya dan tinggal dalam Cahaya. Walaupun orang datang kepada Cahaya satu kali, hal ini tidak semestinya bererti mereka tinggal dalam Cahaya. Mereka mungkin kembali kepada kegelapan. Jika demikian, mereka tidak dapat mengatakan bahawa mereka berada dalam Cahaya.

Katakan anda membenci seseorang tetapi menerima banyak rahmat daripada Tuhan dan berhenti membencinya. Namun begitu, anda kembali membencinya selepas itu. Oleh itu, anda tidak dapat mengatakan bahawa anda berada dalam Cahaya. Walaupun anda tinggal dalam Cahaya, anda mesti semakin dekat dengan Cahaya sehingga anda mencapai tingkat Cahaya yang sempurna. Apabila anda tinggal dalam Cahaya dengan sempurna, anda dapat mempunyai keyakinan di hadapan Tuhan dan menerima apa-apa yang anda minta seperti yang dinyatakan dalam 1 Yohanes 3:21-22.

Saudara dan saudari dalam Kristus, jika anda bertemu Tuhan yang merupakan Cahaya, keluar daripada kegelapan, dan tinggal dalam Cahaya, segala-galanya akan makmur bagi anda dan anda dapat menyelesaikan semua jenis masalah dalam hidup anda.

Saya berdoa demi nama Tuhan Yesus agar anda hidup sebagai anak-anak Tuhan yang merupakan Cahaya, menghasilkan buah Cahaya, dan dengan itu memuliakan Tuhan.

Berita Manmin

Malay

Diterbitkan oleh Gereja Pusat Manmin

73, Yeoidaebang-Ro 22-Gil, Dongjak-Gu, Seoul, Korea Selatan
(Poskod: 07056)
<http://www.manminnews.com/2012/nation/ebooks.asp?nation=mal>
www.manminnews.com
E-mel: manminhq@manmin.kr
Penerbit: Dr. Jaerock Lee
Diterjemahkan oleh Biro Misi Luar Negara

Pengakuan Iman

1. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa Alkitab ialah Firman Tuhan yang sempurna dan tidak bercacat cela.
2. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kesatuan dan karya Tuhan Trinititi: Tuhan Bapa, Tuhan Anak dan Tuhan Roh Kudus.
3. Gereja Pusat Manmin percaya bahawa kita diampunkan daripada dosa kita hanya melalui darah penebusan Yesus

Kristus.

4. Gereja Pusat Manmin percaya kepada kebangkitan dan pengangkatan Yesus Kristus, Kedatangan-Nya yang Kedua, Kerajaan Seribu Tahun, dan Syurga yang abadi.
5. Anggota Manmin mengaku iman mereka melalui “Pengakuan Iman Rasul” pada setiap kali mereka berkumpul dan percaya kepada kandungannya kata demi kata.

Pembinaan Gereja Besar merupakan Visi Manmin!



Gereja Besar melambangkan penggenapan pemupukan manusia

Rumah TUHAN di Yerusalem dibina oleh Raja Salomo dan hal ini dapat dilakukan melalui bapanya, Raja Daud, orang yang menyenangkan hati Tuhan. Raja Daud sangat mengasihi Tuhan dan membuat segala persiapan untuk pembinaan Rumah TUHAN itu. Namun begitu, Tuhan membiarkannya dibina semasa pemerintahan anaknya, Salomo kerana Daud telah menumpahkan banyak darah dalam peperangan.

Jadi, siapakah yang layak untuk membina Gereja Besar untuk menyempurnakan pemupukan manusia pada akhir zaman? Gereja Besar dapat dibina oleh anak-anak Tuhan yang telah mencapai penyucian dengan hati yang tulus dan iman yang lengkap serta membina tempat suci dalam hati mereka.

Oleh itu, Gereja Besar ialah simbol penggenapan rencana Tuhan untuk pemupukan manusia dan memperingati kemenangan-Nya, dan akan menghiburkan hati-Nya. Ini juga bermaksud bahawa Tuhan memperoleh ramai anak Tuhan yang layak untuk membina Gereja Besar di bumi ini.

Bangunan bulat berdiameter 600 meter mempunyai bumbung berbentuk salib yang terbuka dan tertutup secara automatik

Gereja Besar berbentuk bulat dan mempunyai dua

belas tiang luar yang besar. Jarak antara satu tiang dengan satu tiang yang saling berhadapan mempunyai diameter 600 meter. Kedalaman bawah tanah ialah 20 meter dan ketinggian di atas tanah ialah 40 meter. Tinggi keseluruhan bangunan ialah 60 meter dan satu menara salib 10 meter dibina di bahagian atas bangunan. Oleh itu, jumlah ketinggian Gereja Besar ialah 70 meter. Bumbung bulat Gereja Besar terbuka dan tertutup secara automatik dalam bentuk salib.

Dua belas tiang besar melambangkan batu asas Yerusalem Baru

Dua belas tiang besar mengelilingi bahagian paling luar, dan terdapat tujuh tiang kecil di antara setiap tiang besar, menjadikan jumlah keseluruhan 96 tiang.

Dua belas tiang besar diperbuat daripada batu marmar sebening susu, dan di kepala tiang itu ada ukiran bunga-bunga indah. Bunga itu mempunyai lima kelopak dan stamennya bertatahkan permata berkilauan yang melambangkan dua belas batu asas kota Yerusalem Baru (Wahyu 21:19-20). Apabila diterangi, bunga-bunga ini memancarkan kilauan pelbagai warna dan membuatkan kita merasakan keindahan langit.

Corak pada tujuh tiang kecil melambangkan Penciptaan

Tujuh tiang kecil di antara setiap tiang besar Gereja Besar melambangkan penyempurnaan rencana Tuhan dalam pemupukan manusia melalui Gereja Besar.

Tiang pertama dihiasi dengan lampu-lampu yang mempesonakan seperti permata yang bersinar walaupun dalam kegelapan dan seperti pelangi memantulkan pelbagai warna cahaya melalui prisma. Tiang ini mewakili firman Tuhan “Hendaklah ada cahaya” pada hari pertama Penciptaan.

Pada tiang kedua terdapat hiasan dan corak yang melambangkan proses Penciptaan pada hari kedua: Tuhan membentuk kubah, dan memisahkan air yang ada di bawah kubah daripada air yang ada di atas kubah.

Arca pada tiang ketiga hingga keenam mewakili apa yang diciptakan Tuhan dari hari ketiga hingga hari keenam: tumbuh-tumbuhan indah diukir pada tiang ketiga; matahari, bulan, dan bintang-bintang pada tiang keempat; pelbagai ikan dan burung pada tiang kelima; dan figura Adam dan Hawa termasuk binatang ternakan diukir pada tiang keenam.

Tiang ketujuh mengungkapkan hati Tuhan yang berehat pada hari ketujuh selepas menciptakan langit dan bumi serta segala isinya. Kemuliaan dan keindahan Tuhan Yang Maha Suci tidak dapat diungkapkan sepenuhnya melalui perkara duniawi tetapi pelbagai corak emas yang indah dan segala jenis batu permata diukir untuk mengungkapkannya.

Kandungan khusus tujuh tiang adalah tentang cahaya kuasa yang dianugerahkan Tuhan dalam warna merah, biru, putih dan emas. Bahagian atasnya mewakili

cahaya kemuliaan dan cahaya asal penciptaan. Cahaya putih yang paling indah dan terang menerangi pelbagai hiasan dan corak pada kesemua tiang.

Dua belas pintu gerbang mengingatkan kita tentang Pintu Gerbang Mutiara Yerusalem Baru

Terdapat dua belas pintu gerbang yang besar di antara dua belas tiang besar Gereja Besar. Setiap pintu gerbang



terbuka pada kedua-dua sisi, dan ada ukiran dua malaikat sebesar pintu, satu pada setiap sisi. Hal ini sama seperti malaikat yang menjaga pintu gerbang Yerusalem Baru (Wahyu 21:12-13).

Ayat kitab suci tentang Kota Yerusalem Baru terukir pada dinding di antara pintu gerbang. Orang Kristian yang membaca ayat kitab suci akan dipenuhi dengan harapan untuk masuk ke Yerusalem Baru yang sangat indah dan bersinar.

MISI DUNIA

Perubahan rohani, kesembuhan, dan menerima jawapan melalui kuasa yang menakjubkan

Pada bulan Februari 2005, saya pertama kali bertemu dengan pelayan Gereja Pusat Manmin di NRB (National Religious Broadcasters) yang dianjurkan di Los Angeles. Pada masa itu, saya cuba menjalani kehidupan suci sebagai seorang Kristian.

Apabila saya mendengar injil kesucian melalui khutbah-khutbah Dr. Jaerock Lee, saya sangat gembira mendengar ajaran bahawa kaedah kesucian bukanlah sesuatu yang abstrak tetapi sesuatu yang praktikal dan terperinci, dan kita dapat menerapkan firman Tuhan dalam kehidupan sebenar kita. Hal ini sejajar dengan ajaran penyucian yang saya kejar dan mengajar saya secara terperinci tentang cara untuk disucikan.

Pada bulan Julai 2006, Perhimpunan Besar New York telah diadakan di Madison Square Garden dengan Dr. Jaerock Lee sebagai pengkhutbah, yang begitu menakjubkan dan menyentuh hati saya. Perhimpunan besar itu membawa pengaruh yang besar kemudiannya.

Pelayan Gereja Pusat Manmin bukan sahaja menyebarkan injil kesucian tetapi juga menunjukkan kerja kuasa yang menakjubkan sehingga ramai orang telah diubah oleh Firman Tuhan dan menerima kesembuhan dan jawapan.

Pada bulan September 2017, saya mengalami kuasa Tuhan yang hebat dan



Pastor Mark Bazalev
Perwakilan Pusat Kesucian Dunia,
Amerika Syarikat

menakjubkan. Saya dilindungi daripada Taufan Irma oleh kuasa Tuhan Yang Maha Hidup. Taufan Irma dikatakan sangat kuat. Kebanyakan orang berpindah ke kawasan lain manakala kedai dan stesen minyak ditutup sehingga bandar menjadi kosong.

Taufan itu dikatakan akan melalui Northport, Florida iaitu tempat saya tinggal. Tidak sedikit pastor dan pemimpin gereja di Amerika Syarikat menghantar permohonan doa kepada Dr. Jaerock Lee lalu beliau berdoa dengan bersungguh-sungguh untuk kami. Saya percaya kepada doa beliau dan tinggal di Pusat Kesucian Dunia tanpa melarikan

diri. Ramai orang berkata kepada saya bahawa saya juga harus melarikan diri namun saya tanpa sebarang keraguan berasa yakin pada keajaiban.

Tiba-tiba bekalan elektrik dan Internet terputus. Hanya dapat membuat panggilan telefon. Pada masa itu, suatu keajaiban akhirnya berlaku. Taufan Irma yang sedang melalui Naples, Florida tiba-tiba berubah haluan dan kuasanya dengan cepat menjadi lemah sehingga membolehkan kami dilindungi. Haleluyah!

Kejadian ini menyedarkan saya tentang erti percaya dan keyakinan kepada Tuhan serta membolehkan saya membina pelayan saya dengan teguh di atas iman.

Saya bersyukur kepada Tuhan kerana memimpin saya bertemu Dr. Jaerock Lee dan Gereja Pusat Manmin. Melalui semua ini, keluarga saya dan pelayan saya menerima banyak berkat dan menghasilkan buah yang banyak untuk kerajaan Tuhan.

Injil kesucian menyelamatkan jiwa-jiwa, menguatkan mereka, mengubah keluarga, membawa kebangkitan kepada gereja-gereja, dan mengubah negara dan bangsa. Saya berasa sangat gembira untuk mengambil bahagian dalam pelayan menyebarkan injil yang sangat berharga ini ke seluruh dunia.